

## Majlis Pelancongan Mampan Global

### Kriteria Hotel GSTC

VERSI 3, 21 DISEMBER 2016

DENGAN

### Cadangan Petunjuk Prestasi

### Mukadimah

Kriteria Majlis Pelancongan Mampan Global (GSTC) telah diwujudkan untuk memberi kefahaman yang sama di seluruh dunia "pelancongan mampan", dan merupakan keperluan minima untuk dicapai oleh mana-mana perniagaan pelancongan. Ianya dianjurkan sekitar empat tema utama: perancangan kemampanan yang berkesan, memaksimumkan faedah sosial dan ekonomi kepada masyarakat setempat, meningkatkan warisan budaya, dan mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar. Kriteria ini mempunyai aplikasi kepada seluruh industri pelancongan.

Kriteria ini telah dibangunkan dan disemak semula dalam usaha untuk mematuhi Kod Penetapan Standard daripada ISEAL Alliance, badan yang diiktiraf untuk menyediakan panduan mengenai norma antarabangsa untuk membangunkan standard kemampanan dalam semua sektor. Kriteria ini disemak setiap 3 hingga 5 tahun. Rancangan untuk semakan semula disertai kemasukan baru input awam ke dalam semakan masa hadapan boleh didapati di [www.gstcouncil.org](http://www.gstcouncil.org). Laman web ini juga menyediakan maklumat mengenai proses dan sejarah pembangunan Kriteria.

Beberapa kegunaan kriteria tersebut termasuklah seperti yang berikut:

- Sebagai asas untuk pensijilan untuk kemampanan

- Sebagai garis panduan asas bagi semua saiz perniagaan untuk menjadi lebih mampan, dan membantu perniagaan memilih program pelancongan mampan yang memenuhi kriteria global ini
- Menyediakan akses pasaran yang lebih besar dalam pasaran produk mampan yang semakin meningkat, bertindak sebagai panduan kepada pelancong dan agensi pelancongan dalam memilih pembekal dan program pelancongan yang mampan
- Membantu pelanggan mengenal pasti program pelancongan mampan dan perniagaan yang sihat dan menyeluruh
- Bertindak sebagai penyebut biasa bagi media maklumat untuk mengenali pembekal-pembekal pelancongan mampan
- Membantu pensijilan dan lain-lain program sukarela dalam memastikan yang standard mereka memenuhi garis dasar yang diterima luas
- Menawarkan program kepada sektor kerajaan, bukan kerajaan, dan swasta satu titik permulaan untuk membangunkan keperluan pelancongan mampan
- Bertindak sebagai garis panduan asas untuk badan-badan pendidikan dan latihan, seperti sekolah dan hotel universiti
- Menunjukkan kepimpinan yang memberi inspirasi untuk bertindak

Kriteria ini menunjukkan *apa* yang perlu dilakukan, *bukan* bagaimana untuk melakukannya atau sama ada matlamat telah dicapai. Peranan ini dipenuhi dengan petunjuk prestasi, bahan-bahan pendidikan yang berkaitan, dan akses kepada alat-alat untuk pelaksanaan, semua yang mana merupakan pelengkap yang amat diperlukan untuk Kriteria GSTC.

## Aplikasi Kriteria

Adalah disyorkan agar semua kriteria digunakan sebanyak mungkin yang praktikal, kecuali untuk keadaan spesifik tertentu dimana kriteria berkenaan tidak sesuai dan ini adalah wajar. Mungkin terdapat keadaan di mana kriteria tidak terpakai untuk produk pelancongan tertentu, tertakluk kepada keadaan peraturan setempat, alam sekitar, sosial, ekonomi dan budaya

tempatan. Dalam kes perniagaan pelancongan mikro dan perniagaan pelancongan yang dimiliki masyarakat setempat, yang mana mempunyai kesan sosial, ekonomi dan alam sekitar yang kecil, diakui bahawa sumber yang terhad boleh menghalang aplikasi menyeluruh bagi semua kriteria. Panduan lanjut kriteria ini boleh didapati daripada petunjuk sokongan dan glosari, yang diterbitkan oleh GSTC.

## Petunjuk Prestasi

Petunjuk prestasi yang dibentangkan di sini adalah direkabentuk untuk memberikan panduan dalam mengukur pematuhan Kriteria GSTC untuk Hotel.

Draf set petunjuk ini akan dikemas kini secara berkala, sesuai menurut pembangunan maklumat baru. Jika anda ingin mencadangkan indikator baru atau penambahbaikan lain, sila hantar cadangan anda kepada [accreditation@gstcouncil.org](mailto:accreditation@gstcouncil.org).

## Petunjuk dan Kriteria yang Digabungkan

Dokumen ini mengandungi Kriteria dan Petunjuk Prestasi.

KRITERIA INDUSTRI GSTC	PETUNJUK UNTUK HOTEL
<b>SEKSYEN A: Menunjukkan pengurusan mampan yang berkesan</b>	
<b>A1 Sistem Pengurusan Mampan</b>  <b>Organisasi telah melaksanakan sistem pengurusan mampan jangka panjang yang sesuai dengan saiz dan skop, menangani isu-isu alam sekitar, sosial, budaya, ekonomi, kualiti, hak asasi manusia, kesihatan, keselamatan, risiko dan pengurusan krisis serta mendorong</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>a. Sistem Pengurusan Mampan didokumenkan dengan jelas.</li><li>b. Sistem Pengurusan Mampan meliputi isu-isu alam sekitar, sosial, budaya, ekonomi, kualiti, hak asasi manusia, kesihatan dan keselamatan.</li><li>c. Sistem Pengurusan Mampan termasuk pertimbangan risiko dan pengurusan krisis.</li><li>d. Bukti dokumen yang menunjukkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Mampan.</li><li>e. Sistem Pengurusan Mampan termasuk proses untuk memantau penambahbaikan berterusan dalam prestasi kemampanan.</li></ul>

<b>penambahbaikan yang berterusan.</b>	
<b>A2 Pematuhan Undang-Undang</b>  <b>Organisasi mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan tempatan, kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan, termasuk antara lain, kesihatan, keselamatan, buruh dan aspek-aspek alam sekitar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Senarai terkini semua keperluan perundangan berkaitan yang digunakan.</li> <li>b. Sijil-sijil atau lain-lain dokumen bukti yang menunjukkan pematuhan terhadap semua keperluan perundangan yang terpakai.</li> </ul>
<b>A3 Laporan dan Komunikasi</b>  <b>Organisasi menyatakan dasar kemampunan, tindakan dan prestasinya kepada pemegang kepentingan, termasuk pelanggan, dan berusaha mendapatkan sokongan mereka.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Laporan tetap berkenaan prestasi kemampunan disediakan.</li> <li>b. Dasar dan tindakan kemampunan dilaporkan dalam bahan komunikasi secara luaran dan dalaman.</li> <li>c. Komunikasi mengandungi pesanan yang mengundang sokongan pelanggan dan pemegang kepentingan.</li> </ul>
<b>A4 Penglibatan kakitangan</b>  <b>Kakitangan terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan sistem pengurusan mampan dan menerima bimbingan berkala dan latihan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam penyampaiannya.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bukti penglibatan kakitangan dalam system pengurusan mampan boleh didapati.</li> <li>b. Rekod kursus dan latihan semasa perkhidmatan, beserta tahap kehadiran boleh didapati.</li> <li>c. Latihan dan bahan-bahan bimbingan boleh didapati dalam format boleh akses (termasuk penggunaan Bahasa minority di mana diperlukan)</li> <li>d. Kakitangan memegang sijil dan kelayakan dalam bidang/kemahiran yang berkaitan.</li> </ul>
<b>A5 Pengalaman pelanggan</b>  <b>Kepuasan pelanggan, termasuk aspek-aspek kelestarian, dipantau dan tindakan pembetulan diambil.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Terdapat sistem maklumbalas pelanggan, bersama-sama dengan analisis keputusan.</li> <li>b. Maklumbalas dan respon negative juga direkodkan.</li> <li>c. Terdapat bukti tindakan pembetulan diambil.</li> </ul>

<b>A6 Promosi tepat</b> <b>Bahan promosi dan komunikasi pemasaran adalah tepat dan telus mengenai organisasi dan produk dan perkhidmatannya, termasuk tuntutan berkenaan kemampunan. Ianya tidak menjanjikan lebih daripada yang disediakan.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Gambar yang digunakan dalam promosi adalah pengalaman sebenar yang ditawarkan dan kemudahan yang disediakan.</li> <li>b. Tuntutan kemampunan adalah berdasarkan kepada rekod prestasi masa lepas.</li> </ul>
<b>A7 Bangunan dan infrastruktur</b> <b>Perancangan, penempatan, reka bentuk, pembinaan, pengubahsuaian, operasi dan perobohan bangunan dan infrastruktur</b>	Petunjuk bagi kriteria A7 berkaitan dengan bangunan dan infrastruktur yang berkaitan dengan penginapan yang disahkan.
<b>A7.1 Pematuhan</b>  <b>... Mematuhi keperluan zon dan undang-undang yang berkaitan dengan kawasan yang dilindungi dan kawasan sensitif dan pertimbangan warisan.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kesedaran tentang, dan pematuhan kepada undang-undang berkenaan guna-tanah dan aktiviti di kawasan tempatan ditunjukkan.</li> <li>b. Kesemua lesen dan permit yang diperlukan adalah yang terkini.</li> <li>c. Kesedaran tentang dan pematuhan kepada pelan pengurusan dan panduan bagi kawasan bukan berkanun (contohnya untuk zon tertentu, rekabentuk dan lain-lain) ditunjukkan.</li> </ul>
<b>A7.2 Kesan dan Integriti</b>  <b>... Mengambil kira keupayaan dan integriti persekitaran semula jadi dan budaya.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pemilihan tapak, rekabentuk dan akses telah mengambil kira tahap penampilan, landskap, budaya, dan warisan semulajadi.</li> <li>b. Pemilihan tapak, rekabentuk dan akses telah mengambil kira perlindungan kawasan sensitive biologi dan keupayaan asimilasi ekosistem.</li> <li>c. Integriti tapak arkeologi, warisan budaya, dan kawasan suci telah dipelihara.</li> <li>d. Integriti dan sambungan di antara kawasan semulajadi dan kawasan perlindungan telah dipelihara.</li> <li>e. Spesies terancam atau dilindungi tidak dipindahkan dan kesan terhadap semua habitat hidupan liar telah dikurangkan dan ditangani.</li> <li>f. Laluan air/tadahan air/kawasan berair tidak diubah dan larian air dikurangkan di mana yang boleh dan sebarang tinggalan diambil atau disalurkan dan ditapis.</li> <li>g. Faktor-faktor risiko (termasuk perubahan iklim, fenomena semulajadi, dan keselamatan pengunjung) telah dinilai dan ditangani.</li> <li>h. Penilaian kesan (termasuk kesan kumulatif) telah dilaksanakan dan didokumenkan seperti yang seharusnya.</li> </ul>

<b>A7.3 Bahan-bahan dan amalan lestari</b>	
<b>... Menggunakan amalan dan bahan-bahan tempatan yang sesuai dan lestari.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bahan tempatan, amalan dan kraf tempatan telah digunakan dalam bangunan dan rekabentuk jika dapat dilaksanakan dan di mana sesuai.</li> <li>b. Tumbuh-tumbuhan asli dan endemik yang diperoleh daripada sumber yang mampan telah digunakan dalam landskap dan hiasan, mengelakkan spesies eksotik dan invasif.</li> <li>c. Tumbuh-tumbuhan telah dipilih berdasarkan keupayaan untuk bertahan dengan keadaan semasa atau keadaan jangkaan, contohnya tumbuhan tahan kemarau.</li> <li>d. Rekabentuk mampan, bahan-bahan, dan amalan pembinaan mampan telah digunakan dalam bangunan, dengan pensijilan yang sesuai jika boleh.</li> <li>e. Sisa daripada pembinaan disusun dan dilupuskan mengikut cara yang mesra alam.</li> </ul>
<b>A7.4 Akses untuk semua</b>	
<b>... Menyediakan akses dan maklumat untuk golongan yang mempunyai keperluan khas, di mana sesuai</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Tapak, bangunan dan aktiviti boleh diakses oleh golongan kurang upaya serta yang mempunyai keperluan khas, mengikut kesesuaian operasi.</li> <li>b. Maklumat yang jelas dan tepat disediakan mengenai tahap kebolehcapaian.</li> <li>c. Akses disahkan atau disemak dengan badan-badan pakar/pengguna yang berkaitan.</li> </ul>
<b>A8 Air tanah dan hakmilik harta</b>	
<b>Pengambilalihan oleh organisasi untuk hak tanah dan air dan terhadap harta adalah yang sah, mematuhi hak-hak bersama orang tempatan dan orang asli, termasuklah kebebasan mereka, pengetahuan dan kebenaran mereka terlebih dahulu, dan tidak perlu perpindahan yang bukan sukarela.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pemilikan tanah dan tempoh hakmilik didokumenkan.</li> <li>b. Pengguna dan hak akses untuk sumber utama, termasuk tanah dan air, didokumenkan di mana yang boleh diaplifikasi.</li> <li>c. Terdapat bukti dokumentari untuk komunikasi, perundingan dan penglibatan dengan masyarakat tempatan dan pribumi.</li> <li>d. Bukti kebebasan, pengetahuan dan kebenaran daripada penduduk tempatan terlebih dahulu, di mana berkaitan (menunjukkan tiada penempatan semula secara paksa atau pengambilalihan tanah).</li> </ul>
<b>A9 Maklumat dan tafsiran</b>	
<b>Organisasi ini menyediakan maklumat dan tafsiran berkeraaan persekitaran semula jadi, budaya tempatan, dan warisan budaya, serta penjelasan mengenai tingkah laku yang sesuai semasa melawat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bahan maklumat / tafsiran mengenai warisan semulajadi dan warisan budaya kawasan setempat boleh didapati dan disediakan untuk pelanggan.</li> <li>b. Kakitangan dimaklumkan dan dilatih mengenai warisan semulajadi dan budaya kawasan setempat.</li> <li>c. Maklumat disediakan kepada pelanggan berkeraaan tingkah laku yang</li> </ul>

<b>kawasan alam semula jadi, budaya hidup, dan tapak warisan budaya.</b>	sesuai dalam kawasan setempat.
<b>A10 Penglibatan destinasi</b>  <b>Organisasi terlibat dengan perancangan dan pengurusan pelancongan mampan dalam destinasi tersebut, di mana peluang-peluang seumpamanya wujud.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi adalah merupakan ahli kepada organisasi pengurusan destinasi tempatan atau badan seumpamanya,di mana organisasi seperti ini wujud.</li> <li>b. Organisasi mengambil bahagian dalam perkongsian di antara masyarakat setempat, badan bukan kerajaan dan badan-badan tempatan yang lain di mana ini wujud.</li> <li>c. Organisasi mengambil bahagian dalam mesyuarat perancangan dan pengurusan dan aktiviti berhubung pelancongan mampan dalam destinasi tersebut.</li> </ul>

## **SEKSYEN B: Memaksimumkan faedah sosial dan ekonomi kepada masyarakat setempat dan mengurangkan kesan negatif**

<p><b>B1 Sokongan komuniti</b></p> <p><b>Organisasi secara aktif menyokong inisiatif untuk infrastruktur tempatan dan pembangunan komuniti sosial. Contoh inisiatif termasuk pendidikan, latihan, kesihatan dan sanitasi dan projek-projek yang menangani kesan perubahan iklim.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi terlibat dengan masyarakat setempat dalam mengenalpasti keperluan dan peluang untuk sokongan dan menilai potensi faedah / kesannya.</li> <li>b. Tahap dan sifat sumbangan yang dibuat kepada skim-skim dalam masyarakat setempat direkodkan.</li> <li>c. Masyarakat setempat ditawarkan peluang untuk mendapatkan kemudahan pelancongan dan perkhidmatan yang disediakan.</li> </ul>
<p><b>B2 Pekerjaan tempatan</b></p> <p><b>Penduduk tempatan diberi peluang yang sama untuk pekerjaan dan kenaikan pangkat, termasuk pada peringkat pengurusan.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bahagian daripada jumlah pekerjaan dari kalangan mereka yang sudah tinggal dalam masyarakat tempatan diukur dan diuruskan.</li> <li>b. Peratusan pekerjaan dalam jawatan pengurusan dari kalangan mereka yang sudah tinggal dalam masyarakat tempatan diukur dan diuruskan.</li> <li>c. Latihan ditawarkan kepada penduduk tempatan untuk meningkatkan peluang pekerjaan mereka.</li> </ul>
<p><b>B3 Pembelian tempatan</b></p> <p><b>Apabila membeli dan menawarkan barang dan perkhidmatan, organisasi memberi keutamaan kepada penduduk tempatan dan pembekal perdagangan yang adil seboleh-bolehnya dan mempunyai kualiti yang mencukupi</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi kerap membuat audit untuk sumber-sumber bekalan barang dan perkhidmatan.</li> <li>b. Peratusan barang dan perkhidmatan yang dibeli dari perniagaan yang dimiliki dan dikendalikan oleh pendudukan setempat diukur dan diuruskan.</li> <li>c. Peratusan pembekal perdagangan yang adil yang bukan milik dan kendalian penduduk tempatan diukur dan diuruskan.</li> </ul>
<p><b>B4 Usahawan tempatan</b></p> <p><b>Organisasi menyokong usahawan tempatan dalam pembangunan dan penjualan produk dan perkhidmatan mampan yang berdasarkan alam</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Perniagaan milik tempatan diberi akses kepada premis dan pelanggan untuk aktiviti komersial.</li> </ul>

<b>semulajadi, sejarah dan budaya di kawasan tersebut.</b>	<p>b. Di mana sesuai, organisasi menyediakan nasihat dan sokongan kepada penyedia perkhidmatan tempatan yang terlibat, berkenaan kualiti dan kemampuan perkhidmatan mereka.</p> <p>c. Peluang untuk usaha sama dan perkongsian dengan usahawan tempatan dipertimbangkan dan diteruskan di mana sesuai.</p>
<b>B5 Eksploitasi dan gangguan</b> <p><b>Organisasi telah melaksanakan dasar menentang pemerdagangan, seksual, atau apa-apa bentuk eksploitasi atau gangguan, terutamanya terhadap kanak-kanak, remaja, wanita, golongan minority dan kumpulan lemah yang lain.</b></p>	<p>a. Organisasi mempunyai dasar yang didokumenkan yang menentang eksploitasi dan gangguan terhadap golongan yang lemah.</p> <p>b. Tindakan diambil untuk berkomunikasi dan melaksanakan dasar.</p> <p>c. Organisasi terlibat bersama masyarakat setempat dalam usaha menentang eksploitasi dan gangguan.</p> <p>d. Rekod bagi umur pekerja disimpan dan menunjukkan tiada berlaku sebarang buruh kanak-kanak (seperti yang ditakrifkan oleh ILO).</p> <p>e. Organisasi menyokong tindakan menentang pelancongan seks kanak-kanak</p>
<b>B6 Peluang sama rata</b> <p><b>Organisasi ini menawarkan peluang pekerjaan, termasuk pada peringkat pengurusan, tanpa diskriminasi jantina, bangsa, agama, kecacatan atau dengan cara lain.</b></p>	<p>a. Organisasi telah mengenalpasti kumpulan yang berisiko diskriminasi, termasuk wanita dan kaum minority tempatan.</p> <p>b. Peratusan pekerja yang diambil daripada setiap kumpulan ini dipantau dan setimpal dengan demografi tempatan.</p> <p>c. Promosi dalam yang dibuat adalah termasuk ahli kepada kumpulan-kumpulan ini.</p>
<b>B7 Kerja yang baik</b> <p><b>Hak buruh dihormati, persekitaran kerja yang selamat dan terjamin disediakan, pekerja dibayar gaji sekurang-kurangnya sara hidup. Pekerja ditawarkan latihan yang berterusan, pengalaman dan peluang untuk kemajuan.</b></p>	<p>a. Organisasi menunjukkan kesedaran tentang dan pematuhan terhadap piawaian buruh antarabangsa dan peraturan-peraturan</p> <p>b. Tahap gaji dipantau dan dikaji secara berkala selari dengan norma kebangsaan untuk sara hidup.</p> <p>c. Rekod latihan disimpan untuk semua kakitangan, menunjukkan tahap dan kekerapan latihan yang diterima.</p> <p>d. Kontrak pekerja menunjukkan sokongan untuk penjagaan kesihatan keselamatan social.</p> <p>e. Air, sanitasi dan kebersihan kemudahan disediakan untuk semua pekerja di kawasan tapak.</p> <p>f. Kepuasan pekerja dipantau.</p> <p>g. Satu mekanisma untuk menyalurkan aduan pekerja disediakan.</p>

<p><b>B8 Khidmat Masyarakat</b></p> <p><b>Aktiviti-aktiviti organisasi tidak menjaskan penyediaan perkhidmatan asas seperti makanan, air, tenaga, penjagaan kesihatan atau kebersihan, kepada masyarakat sekitar.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi memantau kesan terhadap penyediaan perkhidmatan tempatan.</li> <li>b. Satu mekanisme komunikasi/maklumbalas/aduan disediakan untuk masyarakat setempat.</li> <li>c. Sebarang pengurangan dalam penyediaan perkhidmatan asas kepada masyarakat tempatan, yang dikenalpasti sebagai hasil daripada aktiviti organisasi, adalah dinyatakan.</li> </ul>
<p><b>B9 Mata pencarian tempatan</b></p> <p><b>Aktiviti-aktiviti organisasi tidak menjaskan akses penduduk tempatan kepada mata pencarian mereka, termasuk tanah dan penggunaan sumber akuatik, hak cara hidup, pengangkutan dan perumahan.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Akses penduduk tempatan kepada mata pencarian mereka dipertimbangkan dalam keputusan berkenaan pembangunan dan operasi.</li> <li>b. Satu mekanisme komunikasi disediakan untuk masyarakat tempatan melaporkan apa-apa keadaan yang mengurangkan akses kepada mata pencarian.</li> </ul>

## **SEKSYEN C: Memaksimumkan faedah kepada warisan budaya dan mengurangkan kesan negatif**

<b>C1 Interaksi kebudayaan</b> <p><b>Organisasi mengamalkan amalan antarabangsa dan nasional yang baik serta panduan tempatan yang dipersetujui dalam pengurusan dan promosi lawatan ke komuniti orang asli dan ke kawasan tapak budaya atau kawasan yang sensitif dari segi sejarah, dalam usaha mengurangkan kesan buruk dan memaksimumkan faedah kepada penduduk tempatan serta kepuasan pengunjung.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi menunjukkan kesedaran dan pematuhan terhadap amalan yang baik di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan tempatan dan panduan untuk lawatan pelancong ke kawasan tapak budaya dan e komuniti orang asli.</li> <li>b. Organisasi terlibat dengan komuniti/kawasan dalam mengkaji panduan dan mewujudkan dan bersetuju untuk garis panduan tambahan mengikut keperluan.</li> <li>c. Garis panduan yang ada digunakan dengan efektif dan disampaikan.</li> <li>d. Langkah-langkah tertentu disediakan untuk mengelakkan interaksi yang tidak sesuai dengan kanak-kanak.</li> </ul>
<b>C2 Melindungi warisan budaya</b> <p><b>Organisasi menyumbang kepada perlindungan, pemeliharaan dan peningkatan ciri-ciri tempatan, kawasan tapak dan tradisi kepentingan sejarah, arkeologi, budaya dan rohani dan tidak menghalang akses penduduk tempatan.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi membuat dan merekodkan sumbangan kewangan untuk perlindungan warisan budaya.</li> <li>b. Organisasi menyediakan sokongan yang bukan berbentuk kewangan dan sokongan lain untuk warisan budaya.</li> <li>c. Peruntukan dibuat untuk akses penduduk tempatan ke kawasan tapak.</li> </ul>
<b>C3 Menampilkan budaya dan warisan</b> <p><b>Organisasi menghargai nilai dan menggabungkan unsur-unsur asli budaya tempatan tradisional dan semasa di dalam operasi, rekabentuk, dekorasi, masakan, atau kedai-kedai, sambil menghormati hak harta intelek masyarakat tempatan.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Seni/kraf tempatan ditunjukkan dalam rekabentuk dan perabot.</li> <li>b. Warisan budaya dan tradisi yang hidup jelas ditunjukkan dalam masakan, perniagaan, kegiatan dan lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan.</li> <li>c. Hak cipta dan hak harta telah diperhatikan dan memperoleh keizinan yang diperlukan.</li> <li>d. Pandangan masyarakat setempat mengenai persembahan warisan budaya tempatan telah diperolehi.</li> </ul>

<p><b>C4 Artifak</b></p> <p><b>Artifak sejarah dan arkeologi tidak boleh dijual, diniagakan atau dipaparkan, kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan dan antarabangsa.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"><li>a. Sebarang penggunaan artifak adalah telus dan/atau didokumentkan dan dilaporkan.</li><li>b. Di mana artifak digunakan, undang-undang dan undang-undang kecil yang membenarkan penggunaan tersebut telah dikenalpasti.</li><li>c. Pelawat dihalang daripada mengalihkan atau merosakkan artifak.</li></ul>
--	---



## **Seksyen D: Memaksimumkan faedah kepada alam sekitar dan mengurangkan kesan negatif.**

### **D1 Memulihara Sumber**

<p><b>D1.1 Pembelian berdasarkan keutamaan alam sekitar</b></p> <p><b>Dasar pembelian memberi keutamaan kepada pembekal dan produk yang mengutamakan kelestarian alam sekitar, termasuk barang modal, makanan, minuman, bahan binaan dan bahan guna habis.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Dasar pembelian berdasarkan alam sekitar yang didokumenkan adalah disediakan.</li> <li>b. Keutamaan diberikan kepada produk dan pembekal yang mempunyai pensijilan alam sekitar - terutamanya berkenaan kayu, kertas, ikan, makanan-makanan lain, dan produk dari hutan.</li> <li>c. Di mana tidak terdapat produk dan pembekal yang mempunyai pensijilan, pertimbangan diberikan berdasarkan sumber, kaedah menanam atau kaedah penghasilan.</li> <li>d. Spesies terancam tidak digunakan atau dijual.</li> </ul>
<p><b>D1.2 Pembelian cekap</b></p> <p><b>Organisasi menguruskan pembelian barang guna habis dan boleh guna dengan berhati-hati, termasuk makanan, dalam usaha mengurangkan sisa buangan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pembelian mengutamakan barang yang boleh diguna semula, boleh dikembalikan, dan boleh dikitar semula</li> <li>b. Pembelian dan penggunaan barang boleh guna dan guna habis adalah dipantau dan diuruskan.</li> <li>c. Pembungkusan yang tidak perlu (terutamanya dari plastik) dielakkan, dengan membeli secara pukal mengikut kesesuaian.</li> </ul>
<p><b>D1.3 Pemuliharaan Tenaga</b></p> <p><b>Penggunaan tenaga adalah diukur mengikut jenis dan langkah-langkah diambil untuk mengurangkan penggunaan keseluruhan. Organisasi melakukan usaha untuk meningkatkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Jumlah tenaga yang digunakan dipantau dan diuruskan.</li> <li>b. Tenaga yang digunakan untuk satu pelancong untuk satu malam bagi setiap jenis tenaga adalah dipantau dan diuruskan.</li> <li>c. Sumber yang boleh diperbaharui adalah diutamakan dan bahagian tenaga boleh diperbaharui dalam jumlah bekalan tenaga keseluruhan adalah dipantau dan diuruskan.</li> <li>d. Peralatan dan amalan yang digunakan adalah yang mengurangkan penggunaan tenaga.</li> <li>e. Matlamat untuk mengurangkan penggunaan tenaga disediakan.</li> <li>f. Kakitangan dan tetamu diberikan panduan dalam meminimalkan penggunaan tenaga.</li> </ul>

<b>D1.4 Pemuliharaan air</b> <p><b>Risiko air dinilai, penggunaan air diukur mengikut jenis, dan langkah-langkah diambil untuk mengurangkan penggunaan keseluruhan. Pengambilan air dari sumber adalah mampar dan tidak menjaskan aliran alam sekitar. Di kawasan-kawasan air berisiko tinggi, matlamat penjagaan air berdasarkan konteks adalah dikenal pasti dan dilaksanakan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Risiko air telah dinilai dan didokumenkan.</li> <li>b. Di mana penilaian risiko air didapati tinggi, matlamat penjagaan air telah ditetapkan.</li> <li>c. Penggunaan air bagi satu pelancong bagi satu malam bagi setiap sumber adalah dipantau dan diuruskan.</li> <li>d. Peralatan dan amalan yang digunakan adalah yang meminimakan penggunaan air.</li> <li>e. Air yang digunakan adalah berasal dari sumber yang sah dan mampar, yang mana tidak terjejas sebelum ini, dan tidak memberi kesan kepada aliran alam sekitar pada masa hadapan.</li> <li>f. Pertimbangan diberikan kepada kesan kumulatif pelancongan kepada sumber air di kawasan tersebut.</li> <li>g. Matlamat untuk mengurangkan penggunaan air adalah disediakan.</li> <li>h. Kakitangan dan tetamu diperkenan panduan dalam meminimakan penggunaan air.</li> </ul>
---	--



<b>D2 Mengurangkan pencemaran</b>	
<b>D2.1 Pelepasan gas rumah hijau</b>	<p><b>Pelepasan gas rumah hijau yang signifikan dari semua sumber di dalam kawalan organisasi adalah dikenalpasti, diukur di mana yang boleh, dan prosedur-prosedur dilaksanakan untuk mengelakkan atau mengurangkannya. Mengimbangi baki pelepasan gas rumah hijau oleh organisasi adalah digalakkan.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Jumlah pelepasan gas rumah hijau secara langsung dan tidak langsung adalah dipantau dan diuruskan.</li> <li>b. <i>Carbon footprint</i> bagi satu pelancong bagi satu malam adalah dipantau dan diuruskan.</li> <li>c. Tindakan diambil untuk mengelakkan dan mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau tahunan yang signifikan dari semua sumber di dalam kawalan organisasi.</li> <li>d. Mekanisma untuk mengimbangi karbon digunakan di mana praktikal.</li> </ul>
<b>D2.2 Pengangkutan</b>	<p><b>Organisasi bertujuan untuk mengurangkan keperluan pengangkutan dan secara aktif menggalakkan penggunaan alternatif yang lebih bersih dan sumber yang lebih berkesan oleh pelanggan, pekerja, pembekal dan dalam operasinya sendiri.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Maklumat disediakan dan dipromosikan kepada pelanggan berkenaan pilihan pengangkutan alternatif (mesra iklim), semasa ketibaan, perlepasan dan semasa lawatan mereka.</li> <li>b. Pilihan pengangkutan alternatif (contohnya basikal sewa, perkongsian kereta, diambil/dijemput) untuk tetamu dan kakitangan adalah disediakan dan diper mudahkan.</li> <li>c. Pasaran yang boleh diakses dengan mudah dan menggunakan pilihan pengangkutan yang lebih mampan adalah diutamakan.</li> <li>d. Pembekal tempatan adalah diutamakan dan operasi harian berusaha untuk meminimakan penggunaan pengangkutan.</li> </ul>
<b>D2.3 Air sisa (wastewater)</b> <b>Air sisa, termasuk air basuhan (grey water), adalah dirawat secara efektif dan hanya digunakan semula atau dikeluarkan secara selamat, iaitu yang tidak mendatangkan kesan buruk kepada populasi tempatan atau kepada alam sekitar.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Air sisa dilupuskan ke sistem rawatan air perbandaran atau kerajaan yang diluluskan, jika ada.</li> <li>b. Sekiranya tidak ada sistem rawatan air perbandaran yang sesuai, terdapat sistem untuk merawat air disediakan di kawasan tapak (yang memenuhi keperluan kualiti air sisa antarabangsa) dan memastikan tiada kesan buruk kepada populasi tempatan dan alam sekitar.</li> </ul>
<b>D2.4 Sisa pepejal</b> <b>Sisa, termasuk sisa makanan, adalah diukur. Mekanisma untuk mengurangkan sisa disediakan dan, di mana pengurangan tidak boleh dilaksanakan, mekanisma</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Jumlah sisa pepejal yang dilupuskan untuk satu pelancong untuk satu malam adalah dipantau dan diuruskan.</li> <li>b. Pelan pengurusan sisa pepejal adalah disediakan.</li> <li>c. Pelan pengurusan sisa pepejal termasuklah tindakan untuk</li> </ul>

**untuk guna semula atau kitar semula disediakan. Apa-apa pelupusan sisa haruslah tidak mempunyai kesan yang buruk kepada populasi tempatan atau alam sekitar.**

- mengurangkan, mengasingkan dan menggunakan semula atau kitar semula sisa makanan.
- d. Pelupusan sisa haruslah ke kemudahan yang diluluskan atau kemudahan kendalian kerajaan dan terdapat bukti bahawa kemudahan tersebut tiada kesan negatif terhadap alam sekitar dan populasi tempatan.
  - e. Sisa pepejal yang dilupuskan diukur mengikut jenis, dan disediakan matlamat untuk meminimakan sisa pepejal yang tidak dikitar semula.
  - f. Panduan diberikan kepada pelanggan dan kakitangan mengenai bagaimana mengurangkan sisa.



<b>D2.5 Bahan-bahan berbahaya</b>  <b>Penggunaan bahan-bahan berbahaya, termasuk racun perosak, cat, disinfektan untuk kolam renang, dan bahan-bahan pembersihan, harus dikurangkan, dan sekiranya bahan ganti ada tersedia, digantikan dengan produk atau proses yang tidak memudarangkan. Semua storan, penggunaan, pengendalian, dan pelupusan bahan kimia haruslah diuruskan dengan sempurna.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Inventori bahan-bahan berbahaya telah dibuat dan lembaran data keselamatan bahan (MSDS) dibuat.</li> <li>b. Tindakan telah diambil untuk mendapatkan lebih banyak sumber alternatif yang mesra alam.</li> <li>c. Bahan kimia, terutama dalam jumlah yang banyak, disimpan dan dikendalikan menurut piawaian yang sesuai.</li> <li>d. Pelawat dimaklumkan berkenaan penggunaan peribadi bahan-bahan yang mungkin boleh dianggap berbahaya kepada alam sekitar (seperti pelindung matahari dan bahan pencegah yang berbahaya).</li> </ul>
<b>D2.6 Mengurangkan pencemaran</b>  <b>Organisasi melaksanakan amalan untuk mengurangkan pencemaran daripada bunyi bising, cahaya, larian (air dan tanah), hakisan, penipisan lapisan ozon, dan bahan cemar udara, air dan tanah.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Sumber yang berpotensi menyebabkan pencemaran yang diliputi dalam kriteria telah dikaji dan dikenalpasti.</li> <li>b. Sumber yang berpotensi menyebabkan pencemaran yang diliputi dalam kriteria adalah dipantau.</li> <li>c. Tindakan diambil untuk mengurangkan dan jika boleh menghapuskan pencemaran daripada sumber-sumber yang diliputi dalam kriteria ini.</li> </ul>
<b>D3 Memulihara biodiversiti, ekosistem dan landskap</b>	
<b>D3.1 Pemuliharaan Biodiversiti</b>  <b>Organisasi menyokong dan menyumbang kepada pemuliharaan biodiversiti, termasuk melalui pengurusan yang baik bagi harta milik organisasi. Perhatian yang khusus diberikan kepada kawasan perlindungan semulajadi dan kawasan yang mempunyai nilai biodiversiti yang tinggi. Sebarang gangguan terhadap ekosistem semulajadi adalah diminimakan, dipulihkan dan terdapat sumbangan pampasan untuk pengurusan pemuliharaan.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi menunjukkan kesedaran terhadap kawasan perlindungan semulajadi dan kawasan yang mempunyai nilai biodiversiti yang tinggi.</li> <li>b. Organisasi menyediakan dan merekod sokongan kewangan untuk pemuliharaan biodiversiti dalam kawasan setempat.</li> <li>c. Organisasi menyediakan dan merekod sokongan dalam bentuk bukan kewangan atau sokongan lain dalam kawasan setempat.</li> <li>d. Hartanah diuruskan secara aktif untuk menyokong pemuliharaan biodiversiti.</li> <li>e. Organisasi sedar, dan mengurangkan aktiviti yang berpotensi mengganggu hidupan liar dan habitatnya.</li> <li>f. Pampasan dibuat di mana terdapat gangguan telah berlaku.</li> <li>g. Tindakan diambil untuk menggalakkan pelawat menyokong pemuliharaan biodiversiti.</li> <li>h. Organisasi terlibat dengan pemuliharaan setempat organisasi bukan kerajaan (NGO)</li> </ul>

<p><b>D3.2 Spesies invasif</b></p> <p><b>Organisasi mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan pengenalan spesies invasif. Spesies asli digunakan untuk landskap dan pemuliharaan di mana sahaja yang boleh dilaksanakan, khususnya dalam landskap semulajadi.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kawasan tapak dipantau untuk melihat kehadiran mana-mana spesies invasif.</li> <li>b. Tindakan diambil untuk memastikan spesies invasive tidak diperkenalkan atau merebak</li> <li>c. Program disediakan untuk membasmi dan mengawal spesies invasif.</li> <li>d. Landskap kawasan tapak dikaji semula untuk mempertimbangkan penggunaan spesies asli.</li> </ul>
<p><b>D3.3 Lawatan ke kawasan tapak semulajadi</b></p> <p><b>Organisasi mematuhi garis panduan yang perlu bagi pengurusan dan promosi lawatan ke kawasan tapak semulajadi dalam usaha mengurangkan kesan buruk dan memaksimumkan kepuasan pengunjung.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi sedar dan patuh kepada garis panduan yang ada untuk lawatan pelancong ke kawasan tapak semulajadi.</li> <li>b. Garis panduan digunakan semasa menjalankan lawatan dan dimaklumkan kepada para tetamu.</li> <li>c. Organisasi terlibat dengan badan-badan pemuliharaan tempatan untuk mengukuhkan / mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan lawatan ke kawasan tapak tertentu.</li> </ul>
<p><b>D3.4 Interaksi hidupan liar</b></p> <p><b>Interaksi dengan hidupan liar yang lepas bebas, mengambil kira kesan-kesan terkumpul, adalah bukan invasif dan diuruskan dengan bertanggungjawab untuk mengelakkan kesan buruk ke atas haiwan berkenaan dan mengikut kesesuaian serta tingkah laku populasi haiwan di dalam hutan.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi sedar dan patuh kepada peraturan sedia ada di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa dan garis panduan mengenai interaksi hidupan liar, termasuk pemerhatian hidupan liar.</li> <li>b. Organisasi terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan kod-kod tempatan dan garis panduan untuk interaksi hidupan liar, termasuk pemerhatian hidupan liar, seperti yang dikehendaki, berdasarkan nasihat pakar-pakar hidupan liar.</li> <li>c. Interaksi secara langsung, terutamanya memberi makan, seharusnya tidak dibenarkan, kecuali jika dibenarkan secara khusus oleh piawaian yang diterima di peringkat antarabangsa, atau di mana tidak terdapat piawaian yang berkaitan, berpandukan nasihat pakar hidupan liar bebas.</li> <li>d. Langkah-langkah diambil untuk mengurangkan gangguan kepada hidupan liar.</li> <li>e. Kesan terhadap kesejahteraan hidupan liar sentiasa dipantau dan ditangani.</li> </ul>

<p><b>D3.5 Kebajikan Haiwan</b></p> <p><b>Tiada spesies haiwan liar yang boleh diperoleh, dibesarkan atau ditahan, kecuali oleh orang yang diberi kuasa dan orang yang dilengkapi menurut kesesuaian dan untuk aktiviti yang dikawal selia dengan baik dengan mematuhi undang-undang tempatan dan antarabangsa. Tempat tinggal, penjagaan dan pengendalian semua haiwan liar dan domestik haruslah memenuhi piawaian tertinggi penjagaan kebajikan haiwan.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi sedar dan patuh pekada undang-undang berkaitan dan peraturan mengenai hidupan liar dalam kurungan.</li> <li>b. Garis panduan sedia ada untuk aktiviti pelancongan khusus melibatkan hidupan liar dalam kurungan dilaksanakan.</li> <li>c. Kakitangan yang bertanggungjawab bagi hidupan liar dalam kurungan mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai dan berlesen penuh.</li> <li>d. Organisasi sedar dan patuh kepada undang-undang berkaitan dan peraturan mengenai kebajikan haiwan.</li> <li>e. Terdapat pemeriksaan yang berkala untuk melihat keadaan hidupan liar dalam kurungan dan keadaan tempat tinggalnya.</li> <li>f. Terdapat pemeriksaan berkala untuk melihat keadaan haiwan domestic dan tempat tinggalnya serta pengendaliannya.</li> </ul>
<p><b>D3.6 Pemburuan hidupan liar dan perdagangan</b></p> <p><b>Spesies hidupan liar tidak boleh diburu, dimakan, dipamerkan, dijual, atau diperdagangkan, kecuali sebagai sebahagian daripada aktiviti terkawal yang memastikan penggunaan adalah mampan, dan mematuhi undang-undang tempatan dan antarabangsa.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Organisasi sedar dan patuh kepada undang-undang berkaitan dan peraturan mengenai pemburuan dan perdagangan hidupan liar.</li> <li>b. Pelawat dimaklumkan mengenai peraturan berkenaan pemburuan, penggunaan dan perdagangan hidupan liar serta keperluan untuk mengelak daripada membeli barang/cenderahati yang tidak dibenarkan yang mana diperolehi daripada spesies hidupan liar terancam yang dinyatakan oleh IUCN atau CITES.</li> <li>c. Di mana aktiviti memburu adalah dibenarkan, ianya membentuk sebahagian daripada pendekatan pemuliharaan berasaskan saintifik, diuruskan dengan baik dan dikuatkuasakan dengan tegas.</li> </ul>